

# Tabung Haji ambil alih ladang sawit di Indonesia

» Proses pembelian kini dalam peringkat akhir babit nilai RM16.822j

Oleh Ahmad Farizal Hajat  
ahmadfarizal@bh.com.my

Lembaga Tabung Haji (TH) melebarkan lagi jangkauannya dalam aset pelaburan yang memberikan pendapatan berulang secara konsisten, apabila bakal melengkapkan pembelian pertamanya dalam sektor perladangan sawit di luar negara.

Organisasi pelaburan dan pengurusan haji itu semalam memperoleh 'lampau hijau' daripada pengawal selia Indonesia untuk menyelesaikan pembelian syarikat perlada-

"Lembaga Pengarah ingin mengumumkan bahawa TH Plantations dan Persada Kencana Prima sudah melengkapkan syarat di bawah Akta Jual Beli pada 9 Disember lalu"

Kenyataan TH Plantations Bhd

ngan di republik itu.

TH menerusi anak syarikatnya, TH Plantations Bhd berkata, ia kini pada peringkat akhir memuktamadkan pengambilalihan PT Persada Kencana Prima, firma yang memiliki ladang sawit seluas 14,180 hektar di Kalimantan Timur.

Jika semuanya berjalan lancar, urus niaga itu dijangka menyediakan platform kukuh meraih satu lagi sumber pendapatan yang stabil kepada TH, sekali gus terus dapat memberikan pulangan berdaya saing kepada pendepositnya.

TH Plantations, dalam pengumuman kepada Bursa Malaysia semalam berkata, cadangan pengambilalihan Persada Kencana Prima kini semakin hampir dimuktamadkan.

"Lembaga Pengarah ingin mengumumkan bahawa TH Plantations dan Persada Kencana Prima sudah melengkapkan syarat di bawah Akta Jual Beli pada 9 Disember lalu.

"Ini menyebabkan pemindahan saham (dari Persada Kencana Prima kepada TH Plantations) dapat dilaksanakan mengikut undang-undang Syarikat Indonesia No. 40 tahun 2007," katanya.


## Tunggu kelulusan akhir

Susulan itu, syarikat perladangan itu berkata, janji niaga berkenaan kini hanya menunggu kelulusan akhir daripada Kementerian Undang-Undang dan Hak Asasi Indonesia, sebelum boleh melengkapkan pembelian Persada Kencana Prima.

"Selepas menerima 'deksi' daripada Kementerian Undang-Undang dan Hak Asasi Indonesia berhubung artikel penubuhan Persada Kencana Prima yang membabitkan perubahan pemegang sahamnya, barulah syarikat itu boleh ditakrifkan sebagai anak syarikat 93 per-

## INFO

### Kawasan ladang sawit pertama TH di luar negara



tus milik TH Plantations," kata-nya.

Cadangan pembelian Persada Kencana Prima diumumkan Ketua Eksekutif TH Plantations, Datuk Zainal Azwar Aminuddin pada April tahun lalu sebagai antara langkah menjadikan syarikat sebagai antara kumpulan perladangan terkemuka tempatan.

Ia membabitkan TH Plantations mengambil alih 5.58 juta saham bernilai Rp1,000 seunit dalam Persada Kencana Prima yang mewakili 93 peratus modal terbitan dan berbayar dalam syarikat itu daripada Drs H Rajasa Abdurachman dan Ir Badi Sakti Daniel.

Pengambilalihan itu membabitkan pertimbangan tunai Rp46,211,960,000 (RM16.822juta).

Setelah selesai pengambil-

lian Persada Kencana Prima, simpanan tanah TH Plantations akan bertambah kepada 111,772 hektar daripada 97,592 hektar.

Selain TH Plantations, syarikat perladangan Malaysia yang memiliki simpanan ladang di Kalimantan Timur termasuk IJM Plantations dengan peganan 38,512 hektar; TSH Resources (35,590 hektar); KL Kepong (30,000 hektar); dan QL Resources (20,000 hektar).

Kini, Sime Darby Bhd adalah syarikat perladangan tempatan yang memiliki simpanan tanah terbesar dengan keluasan kira-kira 870,000 hektar, diikuti Felda Global Ventures Holdings Bhd (350,000 hektar), Kuala Lumpur Kepong Bhd (252,000 hektar), Genting Plantations Bhd (239,950 hektar) dan IOI Corporation Bhd (179,974 hektar).